

**TEKS VERBATIM JAWAPAN YAB PERDANA MENTERI SEMASA  
SESI PMQT 4 NOV 2025: SOALAN 2 DAN SOALAN-SOALAN  
TAMBAHAN**

By : DATO' SERI ANWAR IBRAHIM

Venue :

Date : 04/11/2025

---

**LAPORAN VERBATIM**

**WAKTU PERTANYAAN-PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT**

**PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : WAKTU PERTANYAAN – PERTANYAAN  
PERDANA MENTERI**

**TARIKH : 4 NOVEMBER 2025 (SELASA)**

**SOALAN 2: DATO' WIRA DR. KU ABD RAHMAN BIN KU ISMAIL**  
**[ KUBANG PASU ]**

Terima kasih Tan Sri Yang di-Pertua. Sebelum saya nak baca soalan, boleh saya nak ucap setinggi tahniah kepada komitmen Perdana Menteri dan juga Menteri Luar atas kejayaan Summit ASEAN baru-baru ini.

Minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah kejayaan dan faedah yang diperolehi oleh Malaysia sebagai pengerusi ASEAN 2025; dan apakah hasil yang telah diperolehi oleh Malaysia dari mesyuarat pemimpin-pemimpin ekonomi APEC (AELM) yang dihadiri oleh YAB Perdana Menteri sendiri di Korea Selatan baru-baru ini.

**JAWAPAN:**

Tan Sri Yang di-Pertua,

Terima kasih Kubang Pasu, mengenai ASEAN sebahagian telah saya jelaskan di sini, tetapi dalam beberapa hal yang kita anggap sangat bermanfaat buat negara daripada ASEAN adalah berdasarkan moto kita keterangkuman dan kemampanan, itu nampak diterima secara konsensus.

Kemudian bagi kita, penerimaan Timor-Leste itu satu kejayaan baik bagi negara atas ikhtiar Kementerian Luar dan penerimaan oleh semua negara-

negara lain. Tidak mudah sebenarnya tapi proses itu mengambil masa dan hujahan kita akhirnya diterima. Itu satu perkara yang baik.

Keduanya, ASEAN 2045: Our Shared Future. Ini maknanya di Malaysia-lah diletakkan wawasan bagi ASEAN yang diterima oleh semua negara-negara ASEAN dan dalam perbincangan dengan negara-negara lain nampak mereka melihat, meneliti, menelusuri peruntukan-peruntukan yang ada dalam Vision 2045. Kemudian tentunya yang saya sebut di antara alasan Kehadiran Presiden Donald Trump itu kerana juga, selain daripada undangan ASEAN, kerana Kuala Lumpur Peace Accord di antara Thailand dan Kemboja.

Dan Myanmar, Five Point Consensus, kita jelaskan tentang kemajuan. Banyak yang tidak mengikuti perkembangan ini, walaupun tidak ada penyelesaian muktamad, yang penting bagi kami mengenai Myanmar ini, ialah menghentikan serangan ganas. Walaupun ada sedikit, tetapi bayangkan dalam setahun yang lalu ini, paling terkawal, terutama serangan bagi minoriti, termasuk Rakhine, di mana didiami majoriti oleh penduduk Rohingya.

Kemudian, triti persahabatan dan kerjasama di Asia Tenggara yang memasukkan Algeria, Uruguay dan Finland. Pertama kali kita anjurkan ASEAN – GCC, Negara Teluk Arab dan China. Ini menunjukkan sekali lagi, saya kata centrality. Ini juga menjawab tohmahan tentang kita mirip ke China atau ke Amerika Syarikat. Kerana centrality itu, kalau tidak begitu, tak mungkin. Bayangkan ASEAN – GCC – China. Itu kita pelopori. Dan ada yang bertanya mengapa negara China, tidak Amerika dan lain-lain. Tapi itulah jawabannya, centrality.

Kemudian, pelaksanaan inisiatif ASEAN Power Grid, itu besar kerana kita perlukan alternatif energy dalam dasar transisi tenaga dan ini dapat dimeterai dan di peringkat akhir, ASEAN Digital Economy Framework Agreement (DEFA). Jadi ini sebagai rumusan daripada beberapa yang kita jelaskan dalam ASEAN.

APEC ini kena ingat ya, APEC 21 negara ini, biggest trading block in the world kerana dia menguasai 61% daripada perdagangan dunia — 61% daripada GDP (KDNK), dunia, itu dalam APEC. Dan kita gunakan juga melalui APEC dan ASEAN untuk meningkatkan intra-ASEAN trade kerana sekarang ini sangat rendah, 22%. Apa langkah yang dibuat sekarang? Kita gunakan QR payment dan cash transfers; Malaysia, Indonesia, Thailand, Singapura, Kemboja, bermula 5 negara telah melaksanakan.

Dan dengan APEC Alhamdulillah mereka iktiraf peranan Malaysia dalam sidang ASEAN, ramai yang menyebut hal yang demikian. Tetapi yang penting di persetujuannya ialah inisiatif AI APEC. Inisiatif AI APEC ini kita masukkan soal nilai dan soal kemanusiaan dan soal jati diri negara masing-masing. Tidak boleh dipaksakan berdasarkan kerangka program, kaedah yang ditentukan oleh negara luar. Jadi dari segi keputusannya, diterima. Maknanya tidak boleh kita diharapkan untuk menerima sepenuhnya. Dan inilah yang juga saya bincangkan dengan pengasas NVIDIA. Sekarang ini dah US\$5 trillion, orang terkaya di dunia yang menemui saya di Korea baru-baru ini.

Bagi Malaysia, 80% daripada jumlah, seluruh jumlah perdagangannya adalah dari negara APEC. Jadi untuk itu, Kubang Pasu kita mesti berikan penekanan. Ini survival negara kita kerana 80%. Dan Tuan Rumah,

Presiden Republik Korea, Lee Jae Myung serta pemimpin ekonomi lain, sempat dalam perbincangan-perbincangan, itu untuk faedah negara Malaysia, peningkatan perniagaan, perdagangan dan kita juga ambil kesempatan umpamanya, bicara soal rare earth, nadir bumi kerana perbincangan ini banyak seolah-olah dengan Amerika Syarikat itu tidak benar. Jadi, rare earth yang kita bincangkan itu dengan Korea. Jadi ada Lynas Australia dan dengan Korea untuk meningkatkan kegiatan apa yang disebut “super magnet” di Kuantan, bersebelahan dengan projek Lynas – kerjasama di antara Lynas dan syarikat JS Link. Itu mereka sudah pun mulakan operasi. Saya sudah bercadang hari Ahad yang lalu untuk menjenguk ke sana tapi tak sempat.

Baik, jadi bagi saya, oleh yang demikian program kerjasama rantau ini penting. Malaysia adalah negara dagang, jadi untuk ASEAN, untuk APEC dan kita tingkat juga RCEP yang kita anggap penting. Inilah kali pertama yang kita hidupkan semula RCEP kerana dia akan memberi faedah dan keuntungan kepada Malaysia sebagai negara dagang dengan negara yang berkenaan.

Terima kasih.

**SOALAN 2 TAMBAHAN 1: DATO' WIRA DR. KU ABD RAHMAN  
BIN KU ISMAIL [ KUBANG PASU ]**

Tan Sri Yang di-Pertua,

Saya hanya nak kemuka kan soalan tambahan di sini mengenai dagangan di kalangan negara-negara asal inter-trade. Yang APEC, Tambun dah bagi dengan begitu jelas.

Nilai perdagangan antara negara ASEAN ini, dia berada pada tahap 20-22% sejak tahun 2000, tak pernah meningkat. Sedangkan kalau kita ambil dengan ASEAN plus 3 dengan China, Korea, 43% — tinggi. Dan dengan Europe ialah 61%. Saya bagi contoh, ASEAN dengan China, kita bagi jumlah lah, ASEAN — China, ASEAN — Amerika, ASEAN — Jepun, ASEAN — Korea Selatan, dia 2 trillion daripada jumlah USD 3.5 trillion ertinya more than 65%, 65% daripada jumlah dagangan ASEAN.

Sasaran kita macam disebutkan oleh Tambun tadi ialah ASEAN Community, target kita 2045, angka ini akan mencecah 40% intra-ASEAN trade dan sungguh pun terdapat FTA, tarif sifar antara negara-negara ASEAN ini. Tapi ia masih rendah. Soalannya, Tan Sri Yang di-Pertua, apakah pindaan yang dibuat terhadap ASEAN Trade Goods Agreement pada mesyuarat ASEAN baru-baru ini bagi mempertingkatkan intra-ASEAN trade? Dan bagaimanakah Malaysia melalui kesatuan dan kesepaduan ASEAN dapat mempertingkatkan nilai dagangan ASEAN hasil daripada pindaan ini?

Seterusnya Tan Sri Yang di-Pertua, untuk mempertingkat nilai dagangan dan intra-ASEAN ini, yang terbaik sekali adalah dengan memperkukuhkan intra-regional FDI rentas sempadan melalui rantaian nilai global dan deeper integration of industrial upgrading — dengan izin.

Soalannya Tan Sri Yang di-Pertua, apakah langkah yang akan diambil oleh negara-negara ASEAN yang dipengerusikan oleh Malaysia sebelum ini bagi mempertingkatkan pelaburan intra-ASEAN dan sekaligus mempertingkatkan nilai perdagangan intra-ASEAN ini?

Sekian, Tan Sri Yang di-Pertua.

**JAWAPAN YAB PERDANA MENTERI:**

Terima kasih Kubang Pasu. Kita masih mempengerusikan ASEAN sehingga 31 Disember. Seperti yang saya jelaskan, di antara apa yang kita anggap sebagai kekurangan atau kelemahan ASEAN ini adalah penumpuan pada soal perdagangan dan pelaburan intra-ASEAN. Jadi, bila kita mengemudi ASEAN awal tahun ini, ini yang menjadi target kita. Sebab itu, kita tingkatkan pembayaran QR payment yang saya sebutkan tadi, Malaysia, Indonesia, Thailand, Singapura, Cambodia. Itu memudahkan penggunaan pembayaran dan penggunaan local currency. Dan ini paling berjaya dengan Thailand dan Indonesia yang kita nak kembangkan.

Yang kedua-nya bila kita ada, saya percaya sebaik saja bermula ASEAN Power Grid ini daripada Vietnam dan fasa pertama terus ke Kelantan dan turun ke Johor, ke Singapura. Jadi itu akan menjana perdagangan tambahan, penggunaan. Tetapi yang ditekankan dalam ASEAN dalam beberapa mesyuarat — pelancongan, pelaburan, perdagangan, dipermudahkan kegiatan sempadan. Akhir bulan ini, mesyuarat antara agensi-agensi sempadan untuk memudahkan laluan, menghentikan penyeludupan tetapi memudahkan laluan. Itu di antara langkah. Saya

setuju dengan Kubang Pasu itu sebenarnya sebagai satu badan rantau kita agak kurang meningkatkan, memusatkan. Jangan kita terlalu terikat dengan soal geopolitik, soal Laut China Selatan, soal hubungan dengan negara-negara luar, terutama Amerika Syarikat dengan negara China, masalah Myanmar. Jadi penumpuan terhadap perdagangan. Tapi tahun ini, mesyuarat Menteri Perdagangan, Menteri Kewangan, Pelancongan dan termasuk sempadan dari segi security, itu ditingkatkan. Dan mudah-mudahan kita dapat saksikan perubahannya.

Tapi perdagangan ini kerana disinggung, saya nak sebut di sini tentang apa isu yang hangat di sebelah sana iaitu tentang perjanjian perdagangan ini. Kerana ini terkait bukan sahaja dengan Malaysia, dengan ASEAN.

Tan Sri Yang di-Pertua,

Negara China yang gergasi ekonomi baru ini pun masih berunding soal tariff dengan Amerika Syarikat — kita tidak terkecuali. Ini soal menyerah, soal khianat, soal gadai, soal penjajahan baru ini. Iyalah, nak suruh turun sekali lagi, saya berapa kali suruh turun, sudahlah. Tetapi yang saya nak tekankan di sini ialah masalah hubungan Amerika dengan China, soal perdagangan. Itu rundingan-nya di sini, di Kuala Lumpur. Pasukan China dan Amerika, 3 hari 3 malam berunding di Kuala Lumpur sebelum pertemuan Presiden Trump dan Presiden Xi Jinping baru-baru ini, jadi ada juga dasar dan khidmat kita.

Saya nak sebut di sini, satu peruntukan yang sangat penting. Ini peguam-peguam sana pun tahu. Section 5, Economic and National Security — ada

yang bangkit tidak sebut sovereignty, ini National Security, ditekankan. Tidak umum begitu saja. Peguam Negara bagi penjelasan, peruntukan ini komprehensif. Dia mengikat semua peruntukan-peruntukan lain.

Dengar baik-baik. Jadi yang ditekankannya, pertama timeline. A timeline for implementation that is acceptable to both parties. Waktu yang ditetapkan, yang boleh diterima oleh kedua-dua pihak. Satu, apa dia? A shared economic, maknanya ada interest kedua-dua pihak — National security concern. Jadi kita ada juga pertimbangan, keselamatan negara kita. Kalau kita rasa menjejaskan keselamatan negara kita, maka kita tidak boleh menerima pakai. Guided by principles of goodwill and a shared commitment to enhancing bilateral relations. Ya, kita terima, perlu bilateral relations, itu satu. Cukup kuat, tapi tak cukup, kita tambah lagi. Malaysia shall adopt and implement measures in accordance with its domestic laws and regulations. Jadi kalau semua peruntukan ini kita rasa bercanggah — tak boleh.

Soal pertama, mengapa ada rundingan? Sebagai negara dagang, kita kena ada rundingan. Negara China sendiri pun ada rundingan. Eropah pun ada rundingan. Apakah yang menyebabkan kita menyerah semua? Tak betul. Baca lah, banyak peguam-peguam di sebelah sana, teliti betul-betul. Apakah yang memenuhi seratus peratus kehendak kita? Tidak. Terpaksa ada give and take. Dalam semua, FTA. Apakah ia menyebabkan kita ni jadi negara boneka Amerika? Kalau betul negara boneka Amerika, sehari selepas ni kita tak akan tandatangani FTA yang dipelopori oleh Malaysia, ASEAN, negara China dan negara China terima baik. Sebab itu saya katakan — soal politik, soal lain, tapi kalau soal perjanjian, bagi saya ini cukup mengikat.

5.2. Domestic regulatory process. Do not backfill or undermine these controls a manner consistent with applicable requirements of domestic laws and regulations. Itu 5.22. 5.3. Duty, evasion, cooperation. Maksudnya kalau di sana evade tak boleh, di sini evade pun tak boleh. Itu sebahagian yang lain telah diterangkan dengan jelas oleh Menteri MITI. Saya hanya ambil kesempatan Kubang Pasu, walaupun Kubang Pasu kata dah jelas. Tapi Kubang Pasu ni pasal dia arif, kerana dia terlatih dalam bidang ni. Ini kadang-kadang tak terlatih, dia pakai hukum orang sahaja. Ini yang masalah, sahabat-sahabat kita kena nasihat sikit.

## **SOALAN 2 TAMBAHAN 2: YB SIM TZE TZIN [ BAYAN BARU ]**

Saya nak ucapkan tanyah dan syabas kepada Perdana Menteri dan juga team Kementerian Luar Negara dan juga team MITI kerana berjaya menganjurkan ASEAN Summit dan juga mendapat satu fair trade deal untuk Malaysia.

Saya juga kesian kepada Perdana Menteri kerana bertungkus lumus, bekerja sehinggakan sakit saya rasa rakyat di luar sangat menghargai pengorbanan Perdana Menteri dan kita harap Perdana Menteri get well soon, jangan overwork. Malaysia juga berjaya menandatangani agreement on reciprocal trade dengan US dan itu telah memberi kestabilan kepada pasaran bilateral trade di antara Malaysia dan juga US.

Namun di luar sana, ahli-ahli politik, pembangkang terutamanya memainkan isu tentang mereka bandingkan ART Malaysia dengan ART Cambodia. Bolehkah Perdana Menteri terangkan sedikit kerana kita tidak

mahu mereka memainkan isu out of context kerana kita kena tengok keseluruhan kerana perbincangan negosiasi tu memang berbeza antara satu negara dengan satu negara lain yang paling penting kalau boleh Perdana Menteri terangkan kebaikan ART ini kepada rakyat Malaysia dari segi peluang pekerjaan dari segi ekonomi dan juga kalau kita tidak sign ART ni apakah yang akan implikasi kepada ekonomi Malaysia. Saya minta supaya Perdana Menteri jelaskan kepada rakyat di sana supaya mereka boleh faham dengan lebih, lebih faham tentang isu ini.

### **JAWAPAN YAB PERDANA MENTERI:**

Terima kasih saya telah jelaskan sebahagiannya, terima kasih Bayan Baru ya, sebahagiannya umpamanya mengundang Presiden Donald Trump atas nama ASEAN dan lihat beberapa kenyataan, dia telah melawat banyak negara bukan soal sambutan yang takpelah yang kata buat apa nak menari satu-satu salah besar yang curi bilion-bilion tak apa ini masalah sebahagian dari pembangkang.

Baik, tetapi bila yang masalah itu dibesarkan tapi saya nak sebut satu perkara yang tak boleh dimungkiri hebat bagaimanapun saudara bicara iaitu kita gunakan peluang itu kalau saya kata dalam private conversation dalam the beast sudah boleh bertikai tapi openly bukan sekali, tiga kali secara terbuka saya tak sebut 20 point 21 atau 20 point konsensus ataupun penyelesaian Presiden Donald Trump kita sebut comprehensive solution.

Soal Gaza ini mesti ada penyelesaian komprehensif. Nak sebut apa lagi? itu dah maksimal, lihat dah lah kunjungan-kunjungan dia kepada negara lain.

Negara mana yang sebut depan Trump itu, saya sebut kerana saya mewakili Malaysia. Ya. Saya tidak minta atau penghargaan tetapi makin hamun atas nama agama, saya menyampah betul Tan Sri. Ya. kerana dia tak peduli fakta asalkan dia berlepassi lain terus dia kecam dia mendewakan orang yang batalkan peruntukan agama yang jelas-jelas sekular yang menentang syariat Islam itu sekarang dipuja.

Tapi saya nak sebut perkara ni apa kaitan soalan tadi? oh biarlah saya jawab dulu aduh lah tak sabar langsung Ulu Terangganu ni memang susah sikit nak kawal. (nada berseloroh)

Baik, saya nak sebut di sini itu yang pertama. Ya jadi, hubungan ini, agreement ini satu part tetapi, boleh nafikan tidak? Trump, Presiden Trump melawat berapa negara? Berapa negara yang sebut depan Presiden Trump, kita perlu comprehensive solution depan muka dia. Jadi, ini yang kita lakukan. Tak ada tak ada dengarlah dulu. Saya tanya ada tidak negara lain yang cakap macam itu? Berdepan, yang belakang banyak di kampung dekat Ulu Terangganu bolehla jerit, ini depan Presiden Trump.

Jadi itu satu yang saya sebut soal perjanjian ada tak negara yang tak mahu ada perjanjian dengan Amerika Syarikat? Tidak ada. Apakah mudah? Tidak mudah. Kita mengadakan rundingan dengan gergasi dunia ekonomi. Negara China pun juga tapi yang penting yang saya nak sebut di sini, sementara kita jelaskan beberapa hubungan yang bangkit macam rare earth dengan negara Amerika Syarikat, kita kata tidak eksport. Itu satu keputusan yang baik tapi kita tidak boleh tuntutan masing-masing negeri untuk terima. Kita boleh halang eksport tetapi soal syarikat, itu negeri boleh putuskan. Tak mahu Amerika, boleh dengan China, tidak boleh

dengan China, macam Pahang buat dengan Korea. Apa masalah dia? Mana negeri yang hendak pilih nak ambil syarikat Amerika, rundinglah.

Tapi yang setakat ini, Perak buat dengan negara China, Pahang buat dengan negara Korea tidak menolak kemungkinan itu. Jadi itu yang saya sebut tadi tentang faedah kena kepentingan ekonomi, kita kerana kita negara dagang.

Kita boleh berselisih pendapat, saya nak tanya, apakah boleh kita menolak sama sekali? Ya, keputusannya boleh, tapi apakah kesan daripada ekonomi? Tapi apa yang kita menyerah? Saya bagi tahu tentang tadi beberapa klausa, peruntukan yang membantu kita untuk berunding terus ataupun tidak berundur daripada menjaga kepentingan negara.

Ini soal ekonomi, peluang pekerjaan semua orang tahulah bagaimana kita boleh tingkatkan digital, transformation, AI tanpa Nvidia, Google, Microsoft? Saya tidak nampak sebab itu negara China sendiri berunding supaya minta supaya ruang dengan syarikat-syarikat semikonduktor dan AI Amerika dapat ada hubungan. Sama ada Amerika berjaya atau tidak itu soal lain.

Kedua-dua ada perang dagang di antara Amerika Syarikat dengan negara China, kita dasar centraliti dari segi ekonomi kita baik semua ada yang mengatakan kita mengesahkan penganiayaan dan kekejaman dan kezaliman terhadap Gaza saya beritahu pendidikan kita tegas tapi itulah yang maksima yang kita mampu lakukan ialah menyatakan kepada Trump. Soal private conversation antara negara itu tentu saya tidak beri maklumat

tapi percayalah, saya lakukan sedaya upaya saya untuk mempertahankan kepentingan Gaza dan Palestine.

**SOALAN TAMBAHAN 3: YB DATUK SERI TAKIYUDDIN BIN HASSAN [KOTA BHARU]**

Soalan tambahan saya very straightforward. Mengenai Agreement on Reciprocal Trade (ART) ini, yang pertama, saya nak minta Yang Amat Berhormat bagi penjelasan terhadap satu kenyataan yang dikeluarkan oleh The Edge Malaysia bertarikh 3 November semalam. Tajuknya “Malaysia forced into US trade talks to protect its exports, says Deputy Minister”. Saya mohon baca:

Kuala Lumpur, November 3 – Malaysia had no choice but to enter negotiations with the US over the recent reciprocal trade agreement as the discussions were driven by Washington’s unilateral move and the two sides were not on equal footing, Deputy Investment Trade and Industry Minister Liew Chin Tong said.

Much like other export-reliant economies, including Japan, South Korea and China, Liew said Malaysia was “forced” into the talks after the US announced the so-called reciprocal tariffs back in April.

“If you ask me, of course I don’t want to negotiate. None of us want to negotiate with the US — not China, not Japan, not South Korea. But when the US said ‘you either follow my rules or I will impose hefty tariffs’, every

nation had to decide to negotiate with the US,” he said during his speech at the Malaysian Institute of Economic Research (MIER) Business Conference on the 2026 National Budget, SST and International Trade Updates.

Liew said Malaysia had no desire to enter such talks but had to do so to protect its export markets. “This was not an equal partnership. It was a US unilateral action,” he said, noting that the same predicament applied to even countries in Europe and East Asia.

Ini bukan Harakah Daily, ini The Edge, November 3, yesterday only. So, saya nak minta penerangan daripada YAB Perdana Menteri, ini kenyataan daripada anggota kerajaan, anggota pentadbiran, yang pertama.

Yang kedua, straightforward juga. Disebut oleh YAB Perdana Menteri tadi, Jabatan Peguam Negara telah mengeluarkan satu kenyataan media. Sebenarnya kenyataan media ini kenyataan politik, berbentuk politik daripada Jabatan Peguam Negara. Sepatutnya Jabatan Peguam Negara sebagai penasihat, the advisor of the government, you must give legal opinion on ART. Bukannya kenyataan media macam menteri, macam orang politik juga.

Saya nak tanya kepada YAB Perdana Menteri untuk makluman seluruh negara dan juga Dewan ini, adakah memorandum Jemaah Menteri yang diangkat berkaitan dengan ART ini, saya pasti tentu ada. Adakah mendapat ulasan daripada Jabatan Peguam Negara? Dan kalau sekiranya ada ulasan, adakah kerajaan bersedia untuk mendedahkan apa sebenarnya legal opinion daripada Jabatan Peguam Negara?

Kita tak mahu sepertimana yang disebut oleh YB Pandan dalam satu posting Facebook-nya, YB Pandan kata perjanjian Amerika jangan sapu isu bawah karpet. Rafizi itu penyokong kerajaan, jadi saya nak mohon penjelasan daripada YAB Perdana Menteri, terima kasih.

### **JAWAPAN YAB PERDANA MENTERI:**

Terima kasih. Yang pertamanya Timbalan Menteri sebut kita terpaksa mengadakan perundingan. Dengarlah dulu. Tak sabar langsung. Baik.

Apakah keputusan Amerika itu unilateral? Betul. Amerika itu buat unilateral agreement. Saya bincang panjang dengan Presiden Lula da Silva, Brazil yang kena 50%. Jadi bukan dia bantah, dia bantah. Kemudian, apakah dia minta ada perundingan dengan Amerika? Ada. Itu siapa? Brazil. Jadi, apakah dia setuju? Dia tak setuju. Apakah dia berunding? Dia runding. Janganlah cakap berdegar-degar, ini kenyataan. Brazil kena 50%, dia berunding. Di mana dia berunding? Di Kuala Lumpur.

Dia minta bertemu setelah unilateral keputusan oleh Amerika Syarikat. Cyril Ramaphosa, Afrika Selatan pun begitu. Negara China yang di-impose unilateral, yes. Tentu sebagai negara China besar, dia tak kata dia dipaksa tapi dia kata dia bersedia berunding bila Amerika mengambil kesempatan begitu.

Jadi maksud, mungkin naratif Timbalan Menteri itu tidak halus betul-betul tetapi semangatnya betul. Kita tak setuju 19%, saya beritahu dalam mesyuarat bilateral, Menteri-Menteri ada, Menteri Luar ya.

Saya sebut 'Mr. President, I disagree, just to be lower'. 19%, mula dia kata 25%, turun 19%. Saya kata saya setuju, saya tak setuju. 'It has to be lower', tapi ini unilateral dia. Baik, itu konteks dia, kena betullah.

Maknanya, apakah kita harus, kalau tanya saya, kita harus berunding. Tapi istilah Timbalan Menteri dia kata kita terpaksa, terpaksa berunding. Tak apalah. Saya akan minta dia fine-tune sikit. Boleh? Boleh. Tapi ini yang maksudnya, reciprocal tariff yang dikenakan.

Yang keduanya, dalam keadaan begitu, kita gunakan sedaya upaya. Sebenarnya rundingan itu sebenarnya mengambil masa berbulan-bulan. dengan team pasukan kita yang keras, bukan tidak mudah. Malah dalam termasuk yang orang cuba pertikai saya sebut soal halal, dia kata Anwar menyerah Amerika, itu mesti diteruskan walaupun saya dah jelaskan. Saya baru teringat nama Professor of Medicine Harvard itu, Profesor Kandil ayahnya pernah bertugas dengan Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM). Kemudian yang chairman-nya komiti Syed Taha Jabir al-Alwani, Ustaz Imam Masjid, Itu saya ingat betul.

Ini saya kata mereka yang memutuskan. Jadi kalau mereka memutuskan, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) ada hubungan boleh mengesahkan, adalah confidence. Tapi kalau mana-mana badan di mana yang tak boleh

kita sahkan, kita tak sahkan. Walaupun import daging dari Amerika itu tersangat kecil. Tapi kita masih jaga kedudukan kita. Baik.

Saya nak sebut di sini yang dibangkitkan oleh YB Kota Bharu itu. Saya nak sebut, yang saya sebut exit clause, Yang di-Pertua, apa dia? 7.4. Dia masalah bila kita baca, kita baca ikut selera kita. Kalau baca-baca keseluruhannya, tak setuju para pertama. Saya boleh beritahu, tapi ini masalah antara negara. Semasa bincang dengan Premier Lee Qiang, saya peka ini. Tapi saya tak mahu sebut terperinci, tak elok. Tetapi, baca keseluruhannya kerana sebahagian kalau kita baca, kita menimbulkan kebimbangan.

Tetapi sebab tu saya baca tadi 5.1 dan kemudian 7.4 yang penting ini iaitu enforcement, penguatkuasaannya. 'Nothing in this agreement shall constrain or otherwise prevent a party from imposing international tariffs'. Betul. Kita boleh kenakan, dia boleh kenakan. But untuk apa? 'To remedy unfair trade practices to address import surges, to protect its economic or national security'. Ini binding clause bagi kita. 'Or for other similar reasons consistent with its domestic law'.

Sebab itu soal bumiputera kita pertahankan dan soal kepentingan qualification tentang apapun penguatkuasaan, dia tak boleh membelakangkan undang-undang domestik kita. Ini YB Arau, catat betul-betul. Kalau tidak, pakai sergah saja tak boleh.

Jadi, tanya soal yang berikutnya ialah Peguam Negara. Saya nak sebut di sini, dalam mesyuarat Jemaah Menteri, berulang kali bukan sekali, yang

akhir pun itu ulasan Peguam Negara, itu diperlukan. Tidak ada apa-apa peruntukan yang bercanggah dengan semangat Perlembagaan dan pertubuhan. Dan saya bincang dengan Jemaah Menteri kerana kita tidak mahu ada precedent. Peguam Negara itu menasihati Kabinet apakah harus terbuka tetapi kenyataan yang dikeluarkan oleh Peguam Negara itu kerana mereka teliti. Janganlah kata politik, dia teliti sebenarnya ini pandangan dia. Tak boleh yang ini, tak boleh yang ini, yang ini boleh, boleh, boleh... kemudian itu dia pertahanlah keputusan. Apa salah? Apa yang politiknya?

Kalau kita minta dia buat kenyataan baru yang untuk mempertahankan kerajaan semata-mata itu political lah. Tapi kalau kenyataan dia itu setelah meneliti dan saya bukan nak pertahankan Peguam Negara tetapi beberapa keputusan perbincangan kita dalam Jemaah Menteri, kemudian kita ubah suai setelah mendapat input daripada Jabatan Peguam Negara. Itu cara kita kerja. Yang kepala dari segi rundingan itu memang dari MITI, tetapi bila bincang soal halal, JAKIM masuk. Bila bincang soal import daging, Kementerian Pertanian masuk. Tapi dari keseluruhannya, undang-undangnya, Jabatan Peguam Negara yang dibincangkan dalam Jemaah Menteri.

YB Pandan pada masa itu tidak lagi dalam Jemaah Menteri, tapi saya nak beritahu peringkat awal sampai akhir Jemaah Menteri meneliti dan tidak mudah kerana Jemaah Menteri juga tahu akan implikasinya dan beberapa isu dibahaskan tetapi saya tegaskan sekali lagi, Tan Sri Yang di-Pertua, dari segi undang-undang dan perjanjian antara negara, Jabatan Peguam Negara itu punyai kedudukan yang agak penting kerana kita tidak mahu tandatangan apa-apa undang-undang yang bercanggah dengan semangat Pelembagaan atau undang-undang negara. Terima kasih.

**Copyright of the Prime Minister's Office Official Website**

Source: <https://www.pmo.gov.my/en/speeches-en/teks-verbatim-jawapan-yab-perdana-menteri-semasa-sesi-pmqt-4-nov-2025-soalan-2-dan-soalan-soalan-tambahan/>